

## LATAR BELAKANG

PEWANI adalah Persatuan Wanita Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan pada 30 Januari 1991 berdaftar di bawah ROS (PPM-006-10-30011991). PEWANI dianggotai oleh staf wanita dan isteri staf lelaki UiTM bertujuan menjaga kebajikan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bermanfaat untuk ahli. PEWANI mempunyai cawangan di semua kampus UiTM seluruh Malaysia.

## OBJEKTIF PEWANI

1. Untuk mewujudkan kesedaran di kalangan ahli akan kepentingan, peranan dan tanggungjawab ahli dalam meningkatkan imej Universiti dan negara.
2. Untuk menjalin perhubungan erat serta kerjasama dengan lain-lain persatuan wanita bagi memupuk semangat persefahaman yang boleh mendatangkan faedah kepada Persatuan.
3. Untuk merapatkan silaturrahim dan menyatukan staf wanita Universiti dan isteri staf di semua peringkat perkhidmatan.
4. Untuk menggalakkan perkembangan pengetahuan, kemahiran dengan mengadakan ceramah, bengkel, seminar, kursus, dan penyertaan di dalam bidangbidang perniagaan untuk kepentingan persatuan.
5. Untuk menguruskan kerja-kerja amal melalui kutipan derma dan lain-lain sumber kewangan bagi faedah ahli-ahli dan keluarga.

## MAKSUD LOGO PEWANI





Bunga Inai yang digambarkan melambangkan kegigihan dan semangat perjuangan yang wujud melalui Persatuan Wanita UiTM. Warna Unggu dan Kuning membawa maksud Intelektualism dan anggun, serta kemesraan yang dapat dijalankan melalui persatuan.

## BAGAIMANA MENJADI AHLI?

1. Keahlian terbuka kepada semua staf Wanita UiTM dan isteri staf lelaki UiTM layak menjadi ahli PEWANI
2. Yuran Penyertaan:
  - Yuran Ahli Biasa: RM2.00 setiap bulan
  - Yuran Masuk:
    - Kumpulan I : RM10.00 - Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)
    - Kumpulan II : RM5.00 - Pentadbiran dan Sokongan (Gaji RM1,000.00 ke atas)
    - Kumpulan III : RM2.00 - Pentadbiran dan Sokongan (Gaji bawah RM1,000.00)
  - Yuran Ahli Seumur Hidup : RM200.00 (*potongan yuran sebanyak 2 kali (RM100 x 2 bulan) sahaja*)
3. Sila imbas QR CODE di bawah untuk muat naik borang pendaftaran ahli atau layari laman sesawang <http://pewani.uitm.edu.my>



Kad Keahlian PEWANI



## PERSATUAN WANITA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) PEWANI

No. Pendaftaran PPM-006-10-30011991

### Alamat:

Pejabat PEWANI  
Aras 2, Menara SAAS, Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor.



[pewani@uitm.edu.my](mailto:pewani@uitm.edu.my)/[pewaniexco@uitm.edu.my](mailto:pewaniexco@uitm.edu.my)



[pewani.uitm.edu.my](http://pewani.uitm.edu.my)



[uitmpewani](https://www.instagram.com/uitmpewani)



[Pewani UiTM](https://www.facebook.com/PewaniUiTM)

## AKTIVITI PEWANI

- **Program Kebajikan & Sosial** seperti sumbangan kepada balu, anak yatim dan mereka yang memerlukan, Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan kepada anak-anak ahli.
- **Program Pendidikan** seperti lawatan sambil belajar ke institusi di dalam dan luar negara.
- **Program Komuniti** seperti gotong-royong membersihkan rumah orang tua dan anak-anak yatim.
- **Program Keusahawanan** seperti membuka gerai jualan dari masa ke semasa dan gerai bunga Konvo UiTM.
- **Program Sukan & Rekreasi** seperti Mini Sukan PEWANI, Karnival Sukan PEWANI Semalaysia, Zumba, Aquazumba, Yoga dan Memanah.
- **Program Kerohanian** seperti Smart Solat, ceramah agama, seminar, Tahsin Quran dan lain-lain.
- **Lain-lain Program** – Hi-Tea, Makan Malam, Kerjasama pintar bersama pelbagai agensi.

## KELEBIHAN SEBAGAI AHLI

- Mendapat keistimewaan dari segi yuran penyertaan aktiviti anjuran PEWANI.
- Melonjakkan potensi diri melalui program-program ilmu serta membentuk peribadi mulia.
- Melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan dan sukarela yang melahirkan jiwa prihatin terhadap masyarakat.
- Menjana pendapatan sampingan melalui program keusahawanan.

## AKTIVITI-AKTIVITI PEWANI

